

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 MAC 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI pasang 60 AWS baharu	KOSMO
2.	AWS bantu dapat data cuaca tepat	Utusan Malaysia
3.	60 AWS baharu di pasang bagi mantapkan rangkaian pencerapan data – Ewon	BERNAMA
4.	2014 tahun paling panas	Berita Harian
5.	Maklumat cuaca di hujung jari	Harian Metro
6.	Aplikasi MyCuaca sedia ramalan, amaran cuaca harian	Berita Harian
7.	Real – time weather updates	The Sun
8.	Pelancaran Aplikasi Mobil MyCuaca MetMalaysia	Nanyang Siang Pau
9.	MyCuaca Application Provides Real Time Weather Forecast	New Straits Times
10.	Free weather app from Met	Free Malaysia Today
11.	Angin kencang dan laut bergelora hingga Ahad ini	BERNAMA
12.	Pusat Reka Bentuk Sejagat pertama di Malaysia	Utusan Malaysia
13.	Pusat Reka Bentuk Sejagat pertama di Malaysia	Utusan Online
14.	Hasilkan produk berciri rekabentuk universal bantu OKU	KOSMO
15.	SIRIM agih 4,000 topi keledar kepada penuntut IPT	Utusan Malaysia
16.	SIRIM QAS agih topi keledar percuma kepada pelajar IPT	KOSMO
17.	SIRIM QAS taja 200 topi keledar untuk penuntut Politeknik Ungku Omar	BERNAMA
18.	Ramai penjenayah siber terlepas	KOSMO

19.	APCERT berjaya sempurnakan latihan tahunan untuk uji keupayaan respons	BERNAMA
20.	Kanak-kanak mangsa ancaman siber	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 17
TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)

Mantapkan rangkaian pencerapan data, tambah baik ketepatan ramalan cuaca

MOSTI pasang 60 AWS baharu

PUTRAJAYA - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan memasang 60 Stesen Cuaca Automatik (AWS) baharu tahun ini bagi memantapkan rangkaian pencerapan data cuaca dan ketepatan ramalan cuaca di Malaysia.

Menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin (**gambar kecil**) berkata, ketika ini melalui program 1 Daerah, 1 AWS, terdapat 152 alat berkenaan di seluruh negara yang mencerap data secara masa nyata dan automatik.

"Dengan pemasangan AWS, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) akan mempunyai satu rangkaian stesen pencerapan yang lebih baik dari segi taburan data meteorologi bagi menambah baik ketepatan ramalan cuaca pada masa akan datang," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Hari Meteorologi Sedunia bertemakan *Iklm: Pengetahuan untuk Tindakan* di sini

semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Ketua Setiausaha Kementerian itu, Datuk Seri Dr. Noorul Ainul Mohd. Nur dan Ketua Pengarah MetMalaysia, Datuk Che Gayah Ismail.

Pada majlis itu, Ewon turut melancarkan aplikasi telefon pintar myCuaca.

Ewon berkata, myCuaca akan menyediakan ramalan cuaca harian, amaran gempa bumi dan tsunami dari semasa ke semasa serta lebih cepat dan tepat kepada orang ramai.

Beliau berkata, aplikasi yang dibangunkan oleh MetMalaysia itu merupakan saluran penyampaian maklumat cuaca dengan imej terkini bagi satelit dan radar dapat disalurkan kepada pengguna.

Aplikasi myCuaca itu boleh dimuat turun melalui Google Play dan Apps Store secara percuma.

"Aplikasi ini akan mening-



PAPARAN aplikasi myCuaca yang dibangunkan MetMalaysia boleh diakses melalui telefon pintar.




KERATAN Kosmo! semalam.

katkan kemudahan, kecekapan dan ketepatan sistem penyampaian maklumat dan amaran kepada rakyat melalui penggunaan telefon

pintar," katanya.

Sementara itu, Che Gayah berkata, MetMalaysia berusaha meningkatkan kesiapsiagaan agensi itu dengan mengukuhkan kepayaan dan keberkesanan sistem amaran awal cuaca ekstrem.

Beliau berkata, sistem pemantauan dan ramalan cuaca sedia ada akan ditambah baik seiring dengan perkembangan teknologi semasa



MOSTI akan memasang 60 unit AWS baharu di seluruh negara bagi memantapkan rangkaian pencerapan data dan kaji cuaca. - Gambar hiasan

bagi membolehkan pembentukan fenomena-fenomena cuaca seperti ribut petir dan hujan lebat monsun boleh dikenal pasti pada peringkat awal.

"Dengan ini, amaran awal mengenainya boleh dikeluarkan dengan cepat dan tepat agar tindakan susulan dapat diambil oleh agensi-

agensi pengurusan bencana negara," katanya.

Kosmo! semalam melaporkan perubahan iklim dan pemanasan global mula memberi kesan terhadap Malaysia apabila negara ini terpaksa bersiap sedia menghadapi fenomena puting beliung yang boleh melanda pada bila-bila masa.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 24
TARIKH: 24 MAC 2015 (SELASA)

AWS bantu dapat data cuaca tepat

PUTRAJAYA 23 Mac
- Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi
(MOSTI) telah mewujudkan
Stesen Cuaca Automatik
(AWS) iaitu sistem
pencerap cuaca terbaik
bagi mendapatkan data
meteorologi yang lebih
tepat.

Menterinya, Datuk
Dr. Ewon Ebin berkata,
sebanyak 212 stesen AWS
yang dibangunkan menerusi
projek '1 Daerah, 1AWS'
dijangka siap sepenuhnya di
seluruh negara penghujung
tahun ini.

Beliau berkata, AWS
penting berikutan dunia
kini mengalami banyak
kejadian cuaca ekstrem
yang disebabkan fenomena
perubahan iklim dan Malaysia
tidak terkecuali daripada
mengalami situasi sama.

"Penting untuk kita
mengetahui tempoh
ulangan sesuatu kejadian
cuaca ekstrem supaya
negara dapat bersedia
menghadapinya, maka
rekod data meteorologi yang
menyeluruh seperti jumlah
hujan, suhu dan angin akan
membolehkan analisis
tempoh ulangan dibuat
dengan baik .

"Misalnya, pada bulan
Disember 2014, hujan sangat
lebat dicatatkan di Stesen
Meteorologi Kuala Krai,
Kelantan iaitu sebanyak
1386.6 milimeter (mm) yang
mengakibatkan banjir besar
dan mempunyai tempoh
ulangan 96 tahun, manakala
suhu sejuk serendah
15.7 darjah Celsius yang
dicatatkan di Kuala Krai
pada 2 Februari tahun lalu
juga mempunyai tempoh
ulangan 63 tahun," katanya.

Beliau berucap pada
majlis perasmian sambutan
Hari Meteorologi Sedunia
dan pelancaran aplikasi
myCuaca di sini hari ini.

Yang hadir sama,
Timbalan Menterinya, Datuk
Dr. Abu Bakar Mohamad
Diah; Ketua Setiausaha
kementerian, Datuk Sri Dr.
Noorul Ainur Mohd. Nur
dan Ketua Pengarah Jabatan
Meteorologi, Datuk Che
Gayah Ismail.



60 AWS Baharu Dipasang Bagi Mantapkan Rangkaian Pencerapan Data - Ewon

PUTRAJAYA, 23 Mac (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) akan memasang 60 Stesen Cuaca Automatik (AWS) baharu tahun ini bagi memantapkan rangkaian pencerapan data cuaca dan ketepatan ramalan cuaca di Malaysia, [kata menteri berkenaan Datuk Dr Ewon Ebin.](#)

Beliau berkata di bawah program 1 Daerah, 1 AWS, kini terdapat 152 AWS di seluruh negara yang mencerap data secara masa nyata dan automatik.

"Dengan pemasangan AWS, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) akan mempunyai satu rangkaian stesen pencerapan yang lebih baik dari segi taburan data meteorologi bagi menambah baik ketepatan ramalan cuaca pada masa akan datang," katanya pada sidang media di sini, Isnin.

Sebelum itu, Ewon menghadiri sambutan Hari Meteorologi Sedunia bertema "Iklim: Pengetahuan untuk Tindakan" dan melancarkan aplikasi telefon pintar myCuaca.

[Turut hadir Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah dan Ketua Setiausaha kementerian Datuk Seri Dr Noorul Ainul Mohd Nur dan Ketua Pengarah MetMalaysia Datuk Che Gayah Ismail.](#)

Ewon berkata myCuaca akan menyediakan ramalan cuaca harian, amaran gempa bumi dan tsunami dari semasa ke semasa serta lebih cepat dan tepat kepada orang ramai.

Beliau berkata aplikasi yang dibangunkan oleh MetMalaysia merupakan saluran penyampaian maklumat cuaca dengan imej terkini bagi satelit dan radar dapat disalurkan kepada pengguna.

Aplikasi myCuaca itu boleh dimuat turun melalui Google Play dan Apps Store secara percuma.

"Aplikasi ini akan meningkatkan kemudahan, kecekapan dan ketelusan sistem penyampaian maklumat dan amaran kepada rakyat melalui penggunaan telefon pintar," katanya.

Menurutnya orang ramai boleh turut memanfaatkan sistem sedia ada seperti siaran televisyen, paparan di laman web, sistem pesanan ringkas (SMS), Facebook dan Twitter.

Sementara itu, Che Gayah berkata MetMalaysia berusaha meningkatkan kesiapsiagaannya dengan mengukuhkan keupayaan dan keberkesanan sistem amaran awal cuaca ekstrim.

Beliau berkata sistem pemantauan dan ramalan cuaca sedia ada akan ditambah baik seiring dengan perkembangan teknologi semasa bagi membolehkan pembentukan fenomena-fenomena cuaca seperti ribut petir dan hujan lebat monson boleh dikenal pasti pada peringkat awal.

"Dengan ini, amaran awal mengenainya boleh dikeluarkan dengan cepat dan tepat agar tindakan susulan dapat diambil oleh agensi-agensi pengurusan bencana negara," katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)



Kakitangan Pusat Sains Negara menunjukkan kreativiti penghasilan awan di dalam botol.



Pengunjung melihat alat pengesan kelajuan dan arah angin Anemometer.



Penolong Pegawai Meteorologi, Abdul Latif Abdul Rahman menunjukkan alat pakai buang Radiosonde yang digunakan untuk mendapatkan maklumat cuaca dan udara.

Ewon (kiri) ditemani Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah melihat model siklon tropika yang menghasilkan awan selepas perasmian sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2015 dan pelancaran aplikasi MyCuaca di Putrajaya, semalam.

FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/ BH

HARI METEOROLOGI SEDUNIA 2015

2014 tahun paling panas

» Data berdasarkan kajian terhadap teras ais, batu karang menunjukkan bumi tidak pernah alami cuaca sebegini sejak 4,000 tahun

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

■ Putrajaya

Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) mengumumkan, 2014 sebagai tahun paling panas bagi dunia, dengan perbezaan kecil suhu tahunan direkodkan di antara 2010 sehingga 2015.

Data suhu yang direkodkan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menunjukkan 2014 adalah tahun kelima paling panas dialami Malaysia dengan purata suhu 27.27 darjah Celsius.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin, berkata data berdasarkan kajian terhadap teras ais dan batu karang, menunjukkan bumi tidak pernah mengalami keadaan panas seperti ketika ini, sekurang-kurangnya sejak 4,000 tahun lalu.

"Justeru, kerjasama semua pihak diharapkan bagi menangani fenomena



Pengunjung mencuba alat pengesan gempa Accelerometer dan Seismometer yang dipamerkan di Tapak Pameran Pusat Gempa Bumi dan Tsunami Nasional pada sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2015 di Putrajaya, semalam.



“Kerjasama pelbagai pihak, secara langsung dapat mengurangkan peningkatan suhu terhadap orang ramai, sektor pertanian dan industri ternakan”

Ewon Ebin,
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Sistem sedia ada juga akan ditambah baik seiring dengan perkembangan teknologi semasa bagi membolehkan pembentukan fenomena itu dapat dikenal pasti awal”

Che Gayah Ismail,
Ketua Pengarah MetMalaysia

SAMBUNGAN... BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 14 TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)

BH 24 MAC 2015 © SELASA



ini dalam usaha mengurangkan kepanasan global.

Kurangkan peningkatan suhu

"Kerjasama pelbagai pihak, secara langsung dapat mengurangkan peningkatan suhu terhadap orang ramai, sektor pertanian dan industri ternakan," katanya ketika perasmian sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2015 dan pelancaran aplikasi MyCuaca bagi kegunaan telefon pintar di sini, semalam.

Hari Meteorologi Sedunia disambut pada setiap 23 Mac oleh 191 negara yang bernaung dan menjadi anggota WMO dan tahun ini, sambutan bertemakan Iklim: Pengetahuan Untuk Tindakan.

Tema itu dipilih bagi memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai fenomena yang sering berlaku serta tindakan yang harus diambil jika ia terjadi.

Ewon berkata, Panel Perubahan Iklim Antara Kerajaan (IPCC) di bawah WMO, melaporkan kejadian perubahan cuaca ekstrem dunia akan terus meningkat.

"Dalam hal ini, selain cuaca panas melanda negara kita pada awal dan pertengahan tahun, Malaysia turut mengalami cuaca sejuk di Kelantan pada awal Januari tahun lalu," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah MetMalaysia, Datuk Che Gayah Ismail,



berkata perubahan cuaca akibat keragaman iklim dan pemanasan global perlu diambil perhatian serius semua pihak.

Katanya, fenomena itu turut mendorong MetMalaysia berusaha meningkatkan tahap siap siaga secara mengukuhkan keupayaan dan keberkesanan sistem amaran awal terhadap cuaca ekstrem yang tidak menentu.

Zahirkan hasrat kerajaan

"Kita berusaha menzahirkan hasrat kerajaan memastikan rakyat negara ini berpengetahuan dan berada dalam keadaan bersiap sedia bagi menghadapi apa jua keadaan cuaca.

"Sistem sedia ada juga akan ditambah baik seiring dengan perkembangan teknologi semasa bagi membolehkan pembentukan fenomena itu dapat dikenal pasti awal bagi membolehkan amaran dikeluarkan tepat pada masanya dan tindakan susulan dapat diambil oleh agensi berkaitan," katanya.


Che Gayah berkata, pemanasan global membawa perubahan ketara terhadap cuaca negara, termasuk kemungkinan mengalami fenomena puting beliung.

Katanya, negara mengalami lapan kejadian puting beliung tahun lalu, masing-masing empat di darat dan di laut, yang juga dikenali sebagai 'belalai air'.

Beliau menjelaskan, fenomena puting beliung, ribut petir kuat, taufan dan angin kencang adalah kesan daripada perubahan iklim serta pemanasan global.

"Sebelum ini, puting beliung amat jarang berlaku di negara kita sehingga tahun lalu, kemungkinan ia berulang atau sebaliknya, tidak boleh diramalkan kerana Malaysia belum mempunyai kepakaran itu.

"Selain berusaha membawa pakar dari Jepun untuk melatih pegawai tempatan mengenai kaedah meramalkan puting beliung, kita juga akan hantar pegawai ke Amerika Syarikat yang ada pengalaman serta peralatan canggih untuk mengkaji kejadian itu," katanya.



📅 **23 MAC**
Hari Meteorologi Sedunia

📅 **191**
Negara anggota Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO)

📅 **208**
Stesen Cuaca Automatik (AWS) di Malaysia, termasuk 60 dalam pembinaan

📅 **8**
kejadian puting beliung di Malaysia tahun lalu



Maklumat cuaca di hujung jari

FOTO: FARIZ ISWADI ISMAIL

Putrajaya: Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) melancarkan aplikasi mudah alih myCuaca bagi memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat mengenai ramalan cuaca harian, amaran gempa bumi dan tsunami yang berlaku di negara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Ewon Ebin berkata, sebelum ini penghebahan ramalan cuaca dibuat menerusi radio dan televisyen.

Bagaimanapun beliau berkata, hebahan biasanya dibuat pada penghujung rancangan menyebabkan orang ramai tidak berminat menontonnya, sekali gus menyebabkan maklumat berkenaan tidak dapat disampaikan kepada umum.

"Penggunaan teknologi aplikasi mudah alih ini diharapkan dapat meningkatkan kemudahan, kecekapan dan ketelusan sistem penyampaian maklumat serta perkhidmatan kepada rakyat menerusi tele-



PENOLONG Pegawai Meteorologi Azah Shahmim Kadir Bashah menunjukkan aplikasi MyCuaca yang dimuat turun pada telefon pintar, semalam.

fon pintar.

"Maklumat dan amaran akan disalurkan lebih cepat dan tepat kepada pengguna, sekali gus menanam sikap mengambil tahu keadaan cuaca sebelum melakukan sebarang aktiviti," katanya pada si-


dang media selepas melancarkan aplikasi mudah alih myCuaca, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri MOSTI Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Aplikasi berkenaan ber-

mula Disember tahun lalu dan boleh didapati secara percuma menerusi Play Store dan Apple Store.

Bagaimanapun, ia dilancarkan semalam bersempena Hari Meteorologi Sedunia yang disambut pada 23 Mac setiap tahun.



Aplikasi MyCuaca sedia ramalan, amaran cuaca harian

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat terkini mengenai perkembangan cuaca dan meteorologi negara, menerusi aplikasi MyCuaca, yang boleh dimuat turun ke dalam telefon pintar.

Menerusi aplikasi itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) turut mengemas kini maklumat mengenai setiap fenomena dan bencana yang berlaku di seluruh negara.

Pengguna hanya perlu menaip nama kawasan sebelum aplikasi MyCuaca menyalurkan maklumat terkini mengenai cuaca pada lokasi mereka ingin ketahui.

Aplikasi yang menyediakan ramalan dan amaran cuaca harian, gempa bumi dan tsunami serta imej terkini bagi satelit dan radar itu boleh dimuat turun menerusi Google Play dan Apps Store secara percuma mulai Disember ini.

Selain aplikasi MyCuaca, MetMalaysia juga menggunakan media sosial untuk menghebahkan perkembangan cuaca negara termasuk sistem pesanan ringkas, Facebook dan Twitter.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin, berkata

aplikasi berkenaan adalah kemudahan kepada pengguna mendapatkan maklumat tepat daripada sumber sah.

Beri kesedaran masyarakat

"Laporan mengenai cuaca dan meteorologi memang ada ditayang menerusi televisyen, namun bila keluar sahaja berita pasal cuaca, semua akan tutup televisyen.

"Ini terjadi dalam kalangan masyarakat di Malaysia kerana kebanyakannya lebih pentingkan hiburan berbanding inisiatif mengambil tahu mengenai keadaan cuaca negara sendiri," katanya.

Ketua Pengarah MetMalaysia, Datuk Che Gayah Ismail, menyifatkan aplikasi MyCuaca itu adalah penambahbaikan selaras perkembangan teknologi semasa.

"Memang kita akui, rakyat negara ini tidak begitu ambil peduli mengenai keadaan cuaca sebelum pergi ke sesuatu tempat.

"Diharapkan menerusi aplikasi ini, ia memberi kesedaran kepada masyarakat untuk mengambil tahu mengenai keadaan cuaca di kawasan yang hendak dikunjungi terlebih dahulu sebelum memulakan perjalanan," katanya.

23 MAC
Hari Meteorologi Sedunia

191
Negara anggota Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO)

208
Stesen Cuaca Automatik (AWS) di Malaysia, termasuk 60 dalam pembinaan

8
kejadian puting beliung di Malaysia tahun lalu



KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDER) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 24 MAC 2015 (SELASA)



Assistant meteorologist Azah Shahmim Kadir Bashah shows the myCuaca app on her smartphone.

Real-time weather updates

PUTRAJAYA: The public can now get real-time updates of weather forecasts and natural disaster alerts with the launch of the **Meteorological Department Malaysia (MetMalaysia)** myCuaca mobile app yesterday.

Science, Innovation and Technology Minister Datuk Dr Ewon Ebin, speaking at the event held in conjunction with World Meteorological Day, said this year's theme is "Climate: Knowledge for

Climate Action".

"By focusing on in-depth climate knowledge we can predict weather patterns more accurately, and effectively handle natural disasters caused by extreme weather and climate change," he said.

MetMalaysia director Datuk Che Gayah Ismail said weather changes due to climate fluctuation and global warming should be given serious attention and efforts are under way to raise awareness.

气象局推出“我的气候” 手机程式 轻易掌握降雨预报

(布城 23 日讯) 大马气象局推出“我的气候”(myCuaca) 手机应用程序, 用户能一手及时掌握天气变化, 也能接获天灾警报通知。

包括天灾警报通知

科学、工艺及革新部长拿督依温依宾博士说, “我的气候”主要向用户提供每天的气候资讯, 包括恶劣气候、地震及海啸等警报。

他今日出席部门庆祝世界全球气象日及为大马气象局推出的手机应用程序“我的气候”主持推介礼后, 向记者发表谈话。

出席者包括副部长拿督阿布峇卡博士、副秘书长拿督阿沙哈及大马气象局总监拿督仄嘉雅。

依温依宾说, “我的气候”会在当天把国内气候信息, 自动输送到用户的智能手机, 让用户可轻易地掌握所在位置或其他选定地点未来的降雨预报。”

“一县一个自动气象站”

智能手机用户可通过 Google Play 或 Apps Store 免费下载“我的气候”(myCuaca)。

另外, 气象局已开始推行“一个县、一个自动气象站”计划, 今年杪增加装置 60 个自动气象站, 更有效与准确地预测与分析国内气象的数据。

国内目前有 108 个气象站及 44 个主要的气象台, 增加 60 个自动气象站, 我国将会有完善预测气候网络。



阿布峇卡 (左起) 及依温依宾仄嘉雅推介手机应用程序“我的气候”。



NEW STRAITS TIMES ONLINE

MyCuaca application provides real time weather forecast

PUTRAJAYA: Malaysians can now obtain real time information on the weather forecast in the nation through the newly launched MyCuaca application.

The application which was developed by the **Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia)** would also enable the public to receive warnings on possible earthquakes and tsunamis.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin said the smartphone application was timely as global warming had caused severe climate changes in the world.

"The application will help create awareness among Malaysians on the importance of knowing the weather forecast in the country," he said during the World Meteorological Day celebrations today.

MyCuaca application was developed last year and the public can download it from both the Google Playstore and Apple Store.

Ewon said climate changes have affected global weather conditions including Malaysia and it were vital to learn about such conditions.

By obtaining knowledge on weather conditions and climate change, relevant departments and the public can prepare themselves for extreme weather conditions, he added.

"MetMalaysia has constantly carried out outreach programmes to create awareness on the importance of knowing about climate change.

"More programmes will be added in the future as global warming is a vital topic that the public must be aware of," Ewon added.


He said MetMalaysia was also in the process of implementing the 1District, 1AWS (Automatic Weather Station) in the nation and so far, a total of 208 systems have been installed.

Ewon said these systems would be able to obtain more accurate weather data in each districts and states and it was also a measure to strengthen the forecast information provided to the public.



Free weather app from the Met

Weather forecasts and warning via myCuaca available for Android and iPhones.



KUALA LUMPUR: A free smartphone app "myCuaca" developed by the Meteorological Department will be available for download at Google Play and the Apple App Store to mark World Meteorological Day on Monday.

Meteorological Department director-general Che Gayah Ismail said "myCuaca" would provide daily weather forecasts and weather warnings, information on earthquakes and tsunamis, and the latest satellite and radar images.

MetMalaysia developed the app to improve its services to the public through better facilities, efficiency and transparency of the information delivery system, Che Gayah said.

"MetMalaysia needs to make a paradigm shift to a new method based on innovation, creativity and high added value in order to remain relevant in competing at the global level," she said.



Angin Kencang Dan Laut Bergelora Hingga Ahad Ini

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40 hingga 50km sejam dijangka berlaku di perairan Condore, Reef North, Layang-layang dan Palawan bermula Khamis hingga Ahad ini.

Menurut Jabatan Meteorologi keadaan itu menyebabkan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

"Keadaan angin kencang itu berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut," kata kenyataan jabatan itu pada Isnin.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)



AZIDAH MOHD. DUN (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada pegawai MRM sempena perasmian Pusat Reka Bentuk Sejagat @ JKM-MRM di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi, Selangor, semalam. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

Pusat Reka Bentuk Sejagat pertama di Malaysia

KUALA LUMPUR 23 Mac - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bekerjasama menubuhkan Pusat Reka Bentuk Sejagat @ JKM-MRM yang pertama di Malaysia.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, pusat tersebut bertujuan meluaskan konsep penggunaan produk reka bentuk sejagat menerusi penghasilan pelbagai produk baharu yang mempunyai ciri tersebut.

“Penubuhan pusat tersebut selari dengan komitmen kerajaan untuk mempromosi dan menjalankan penyelidikan serta pembangunan ke atas produk, perkhidmatan, peralatan dan kemudahan berkonsepkan reka bentuk sejagat.

“Produk berkenaan dilihat bersesuaian untuk semua golongan masyarakat tanpa mengira peringkat umur dan keupayaan selain menggalakkan pengusaha menghasilkan pelbagai produk pilihan,” katanya ketika berucap merasmikan Majlis Pusat Reka Bentuk Sejagat @ JKM-MRM, di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Ban-

gi, dekat sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalannya, Datuk Azidah Mohd. Dun dan turut dihadiri oleh Menteri MOSTI, Datuk Dr. Ewon Ebin; Ketua Pengarah JKM, Datuk Noraini Mohd. Hashim dan Pengarah Kanan MRM, Futom Shikh Jaafar.

Mengulas lanjut, Rohani berkata, penubuhan pusat tersebut juga selaras dengan permintaan tinggi terhadap produk-produk yang bercirikan reka bentuk sejagat seperti peralatan rumah serta pejabat terutamanya daripada golongan OKU dan warga emas.

Sementara itu, Ewon berkata, bidang kreativiti dan inovasi perlu diberi perhatian penuh oleh semua pihak sebagai persediaan untuk Malaysia mencapai negara maju pada tahun 2020.

Katanya, sokongan daripada sektor swasta dan perindustrian boleh dijadikan sebagai batu loncatan untuk memperkasakan kedua-dua bidang tersebut di negara ini.

“Bagi memastikan pusat tersebut berfungsi dengan menyeluruh, pelbagai aktiviti seperti demonstrasi penghasilan produk, pameran bertema akan diadakan dari semasa ke semasa,” ujarnya.



Pusat Reka Bentuk Sejagat pertama di Malaysia

24 Mac 2015 1:22 AM



AZIZAH MOHD. DUN (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada pegawai MRM sempena perasmian Pusat Reka Bentuk Sejagat @ JKM-MRM di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi, Selangor, semalam. UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

KUALA LUMPUR 23 Mac – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), **Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM)** dan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** bekerjasama menubuhkan Pusat Reka Bentuk Sejagat @ JKM-MRM yang pertama di Malaysia.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, pusat tersebut bertujuan meluaskan konsep penggunaan produk reka bentuk sejagat menerusi penghasilan pelbagai produk baharu yang mempunyai ciri tersebut.

"Penubuhan pusat tersebut selari dengan komitmen kerajaan untuk mempromosi dan menjalankan penyelidikan serta pembangunan ke atas produk, perkhidmatan, peralatan dan kemudahan berkonsepkan reka bentuk sejagat.

"Produk berkenaan dilihat bersesuaian untuk semua golongan masyarakat tanpa mengira peringkat umur dan keupayaan selain menggalakkan pengusaha menghasilkan pelbagai produk pilihan," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Pusat Reka Bentuk Sejagat @ JKM-MRM, di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi, dekat sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalannya, Datuk Azizah Mohd. Dun dan turut dihadiri oleh **Menteri MOSTI, Datuk Dr. Ewon Ebin**; Ketua Pengarah JKM, Datuk Noraini Mohd. Hashim dan **Pengarah Kanan MRM, Futom Shikh Jaafar**.

Mengulas lanjut, Rohani berkata, penubuhan pusat tersebut juga selaras dengan permintaan tinggi terhadap produk-produk yang bercirikan reka bentuk sejagat seperti peralatan rumah serta pejabat terutamanya daripada golongan OKU dan warga emas.

Sementara itu, Ewon berkata, bidang kreativiti dan inovasi perlu diberi perhatian penuh oleh semua pihak sebagai persediaan untuk Malaysia mencapai negara maju pada tahun 2020.

Katanya, sokongan daripada sektor swasta dan perindustrian boleh dijadikan sebagai batu loncatan untuk memperkasakan kedua-dua bidang tersebut di negara ini.

"Bagi memastikan pusat tersebut berfungsi dengan menyeluruh, pelbagai aktiviti seperti demonstrasi penghasilan produk, pameran bertema akan diadakan dari semasa ke semasa," ujarnya.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)

Hasilkan produk berciri reka bentuk universal bantu OKU



EWON bersama Azizah (tiga dari kanan) bergambar selepas merasmikan Universal Design Product Showcase JKM-MRM di Pusat latihan Perindustrian dan Pemulihan di Bangi semalam.

BANGI - Kerajaan menggalakkan sektor perindustrian tempatan untuk menghasilkan banyak produk bercirikan reka bentuk universal atau sejagat bagi mengurangkan kebergantungan kepada barangan yang dihasilkan dari luar negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, produk reka bentuk sejagat itu dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan pengguna termasuk golongan kelainan upaya (OKU).

Beliau berkata, konsep produk reka bentuk sejagat itu telah dipraktikkan oleh negara maju seperti Amerika Syarikat, Kana-

da, Jepun dan Taiwan iaitu dengan menghasilkan barangan yang boleh digunakan oleh ramai pengguna tanpa halangan.

"Produk berasaskan reka bentuk universal membolehkan ia mudah diguna pakai oleh semua pengguna termasuk orang tua, kanak-kanak, ibu hamil dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan penubuhan Universal Design Product Showcase Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM) di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd. Dun

Ewon berkata, pada masa ini tidak banyak produk yang dihasilkan dapat digunakan oleh semua pengguna termasuk OKU sehingga menyebabkan barangan untuk kegunaan golongan berkenaan agak mahal.

"Fenomena itu mempunyai kaitan dengan keengganan pihak industri di negara ini melabur dalam menghasilkan produk berkenaan kerana permintaannya agak kecil sedangkan tanggapan tersebut adalah salah," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 29
TARIKH: 24 MAC 2015 (SELASA)



MOHD. RUSDI MOHD. DARUS (dua dari kiri) memakaikan topi keledar kepada seorang pelajar Politeknik Ungku Omar di Dewan Jubli Politeknik Ungku Omar di Ipoh, Perak, semalam. - UTUSAN/HANAFI KHAMIS

SIRIM agih 4,000 topi keledar kepada penuntut IPT

IPOH 23 Mac - SIRIM QAS International Sdn. Bhd (SIRIM) telah membelanjakan hampir RM40,000 untuk mengagihkan kira-kira 4,000 topi keledar secara percuma kepada penuntut di 20 institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara sejak empat tahun lalu.

Pengarah Urusannya, Khaldah Mustafa berkata, pemberian melalui program pertukaran topi keledar dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) tersebut merupakan sebahagian daripada usaha SIRIM bagi menyedarkan golongan berkenaan tentang kepentingan pemakaian topi yang mengikut piawaian.

Menurutnya, setiap tahun sebanyak empat atau lima IPT termasuk di Sabah dan Sarawak telah dipilih untuk menerima sumbangan itu.

"Sejak tahun 2011, kita telah menyumbangkan kira-kira 800 hingga 1,000 topi keledar setiap tahun

yang diagihkan-agihkan kepada empat atau lima institusi yang dipilih untuk menyertai program ini.

"Selain menyedarkan mereka tentang kepentingan memakai topi keledar yang mengikut piawaian dan selamat, program ini juga banyak membantu dalam mengurangkan kes kemalangan maut melibatkan penunggang dan pembonceng," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan Lalulintas (CBP) dan Pertukaran Topi Keledar daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd kepada 200 pelajar Politeknik Ungku Omar (PUO), di sini hari ini.

Yang turut hadir pada majlis yang disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Pelaksanaan dan Projek JKJR, Mohd. Rusdi Mohd. Darus itu ialah Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Perak,

Laila Mazwin Zakaria Timbalan Pengarah PUO, Muhammad Zubir Mohd. Hanifah.

Sementara itu, Mohd. Rusdi berkata, selain PUO, dua lagi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang dipilih untuk menyertai program itu tahun ini ialah Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Teknikal Malaysia (Utem) di Durian Tunggal, Melaka.

Kata beliau, sebanyak 200 topi keledar dan baju pantul cahaya akan diagihkan kepada penuntut di kedua-dua institusi terlibat pada 19 Mei depan di UPSI dan pertengahan Oktober di Utem Durian Tunggal.

"Keutamaan adalah kepada penuntut yang mempunyai topi keledar tidak memenuhi piawaian ditetapkan SIRIM. Untuk mereka kita gantikan topi keledar tersebut dengan topi keledar yang menepati piawaian serta selamat," katanya.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 17
TARIKH: 24 MAC 2015 (SELASA)

SIRIM QAS agih topi keledar percuma kepada pelajar IPT

IPOH - SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM QAS) telah mengagihkan sebanyak 4,000 unit topi keledar kepada penuntut di 20 institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara melibatkan kos RM40,000.

Program dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) yang dimulakan sejak tahun 2011 itu bertujuan memberi kesedaran kepada golongan pelajar yang menunggang atau membonceng motosikal mengenai keselamatan di jalan raya.

Pengarah Urusannya, Khalidah Mustafa berkata, berdasarkan perancangan pihaknya akan mengagihkan 1,000 unit topi keledar pada setiap tahun kepada pelajar di IPT terpilih.

"Setiap IPT akan menerima 200 topi keledar. Pada tahun ini, Politeknik Ungku Omar (PUO), Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dipilih," katanya selepas melancarkan Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya di kampus PUO di sini semalam.



PENGARAH Bahagian Pelaksanaan dan Projek JKJR, Mohd. Rusdi Mohd. Darus (dua dari kiri) memakaikan topi keledar kepada seorang pelajar sambil diperhatikan Khalidah (kiri) di kampus PUO, Ipoh semalam.



SIRIM QAS Taja 200 Topi Keledar Untuk Penuntut Politeknik Ungku Omar

IPOH, 23 Mac (Bernama) -- [SIRIM QAS International Sdn Bhd](#) dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) hari ini menaja 200 buah topi keledar untuk penuntut Politeknik Ungku Omar (PUO).

Pengarah Bahagian Pelaksanaan dan Projek JKJR Malaysia, Mohd Rusdi Mohd Darus berkata ia bertujuan untuk memberi kesedaran kepada semua penuntut dan kakitangan PUO dalam mempertingkatkan aspek keselamatan jalan raya.

"Sebanyak 200 buah topi keledar dan baju pantul cahaya diagihkan kepada pelajar PUO yang terpilih terutama kepada pelajar yang mempunyai topi keledar yang tidak mempunyai piawaian yang ditetapkan oleh SIRIM," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Kempen Kesedaran Keselamatan Lalu Lintas dan Pertukaran Topi Keledar di PUO di sini.

Mohd Rusdi berkata SIRIM telah menaja sebanyak 800 hingga 1,000 buah topi keledar kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta pada setiap tahun.

"Selain PUO, tahun ini pihaknya akan menaja dua lagi pusat pengajian tinggi iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 19 Mei dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada bulan Oktober, yang mana masing-masing juga menerima 200 topi keledar," katanya.

Mohd Rusdi berkata kempen berkenaan merupakan program untuk memberi maklumat mengenai kempen keselamatan jalan raya dari segi penggunaan topi keledar selain menukar topi keledar yang didapati tidak menepati piawaian oleh SIRIM.

Katanya, program ini merupakan kali pertama diadakan di PUO dan kedua di negeri Perak.

Beliau berkata pada kempen itu juga JKJR negeri mengadakan sesi penerangan ringkas dan ceramah khas kepada penuntut dan kakitangan PUO antaranya mengenai kepentingan memahami keperluan keselamatan di jalan raya.

Selain itu, terdapat pameran dari beberapa agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Jabatan Kesihatan Negeri Perak, katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)

Mangsa penipuan di internet perlu cepat buat aduan kepada pihak berkuasa

Ramai penjenayah siber terlepas

Oleh ZULKIFLI MANZOR
zulkifli.manzor@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Pihak yang menjadi mangsa jenayah siber disaran segera membuat laporan kepada pihak berkuasa bagi memudahkan pelaku jenayah itu dikesan dan didakwa.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia (CyberSecurity), Dr. Amirudin Abdul Wahab berkata, kelewatan mangsa membuat aduan menyukarkan pihak berkuasa mengesan penjenayah tersebut.

"Semua bukti penipuan boleh dipadam penjenayah dengan serta merta. Sebagai contoh CyberSecurity menerima aduan penipuan tawaran

pekerjaan dan apabila kita mahu menjejak penipu tersebut, semua maklumat dan data mengenainya dalam internet telah dipadam.

"Oleh itu, sangat penting mangsa membuat aduan segera kepada kami atau pihak berkuasa lain apabila berasa ditipu supaya penjenayah dapat dijejaki dalam alam siber," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau mengulas tentang trend jenayah siber di negara ini yang membimbangkan apabila sebanyak 5,374 kes dengan kerugian hampir RM148 juta direkodkan sepanjang tahun lalu.

Timbalan Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasa-

tan Jenayah Komersial Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Mohd. Kamarudin Md. Din dipetik sebagai berkata, jumlah kes itu menunjukkan peningkatan sebanyak 17.29 peratus berbanding tahun 2013.

Amirudin berkata, orang ramai dinasihatkan agar tidak terlalu mudah percaya dengan tawaran dalam internet sebaliknya perlu membuat rujukan kepada pihak yang lebih arif terlebih dahulu tentang perkara tersebut.

Menurutnya, orang ramai boleh membuat rujukan dengan CyberSecurity jika menerima sebarang tawaran meragukan di internet dengan menghubungi talian 1300-88-2999.



ORANG ramai perlu berhati-hati dengan tawaran yang dipromosikan di internet bagi mengelak daripada terjebak dengan penipuan penjenayah siber - Gambar hiasan.



APCERT Berjaya Sempurnakan Latihan Tahunan Untuk Uji Keupayaan Respons

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Pasukan Respons Kecemasan Komputer Asia Pasifik (APCERT) hari ini berjaya menyempurnakan latihan tahunan untuk menguji keupayaan tindak balas Pasukan Respons Insiden Keselamatan Komputer (CSIRT) dari ekonomi Asia Pasifik.

Untuk kali keempat, latihan APCERT melibatkan penyertaan anggota dari Pasukan Respons Kecemasan Komputer-Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC-CERT).

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia Dr Amirudin Abdul Wahab dalam satu kenyataan hari ini berkata CyberSecurity Malaysia terus memainkan peranan penting dalam APCERT dan OIC-CERT sebagai sebahagian daripada strategi untuk mengukuhkan kerjasama antarabangsa bagi memantapkan keupayaan untuk mengurangkan serangan siber.

"Pengalaman kami dalam latihan rentas sempadan secara besar-besaran akan membantu meletakkan pasukan kami dalam keadaan siapsiaga untuk mengurangkan serangan siber rentas sempadan yang boleh berlaku kepada Malaysia pada bila-bila masa.

Tema Latihan APCERT 2015 ialah "Cyber Attacks Beyond Traditional Sources".

Latihan itu mencerminkan insiden dan masalah sebenar yang wujud di internet, apabila pasukan itu ditugaskan untuk menangani serangan siber secara besar-besaran terhadap kerajaan, yang memanfaatkan kelemahan dalam peranti utama.

Pasukan yang terlibat mengaktifkan dan menguji tindak-balas mengendalikan urusan yang meliputi perlunya berinteraksi antara CSIRT/CERT di peringkat tempatan dan antarabangsa untuk menanggalkan dan menyelesaikan masalah infrastruktur "Denial of Service" membabitkan peranti utama.

Latihan itu melibatkan 25 pasukan CSIRT dari 19 negara anggota APCERT dan juga pihak-pihak luar, pasukan CSIRT dari ketiga-tiga negara anggota OIC-CERT.

APCERT ditubuhkan oleh CSIRT terkemuka dari rantau Asia Pasifik untuk meningkatkan kerjasama, respons dan perkongsian maklumat di kalangan anggota CSIRT di rantau ini.

OIC-CERT ditubuhkan untuk menyediakan platform untuk negara anggota meneroka dan membangunkan inisiatif usaha sama dan perkongsian dalam hal-hal berkaitan dengan keselamatan siber.

-- BERNAMA

» Pelbagai pihak khususnya ibu bapa perlu pantau penggunaan internet, elak jadi semakin serius

Kanak-kanak mangsa ancaman siber

Beberapa minggu lalu, saya berjumpa rakan sekolah yang sudah lebih 15 tahun tidak bersua. Ramai antara kami mempunyai anak yang rata-rata berumur antara empat hingga 10 tahun.

Banyak topik yang dibualkan. Antara yang paling hangat ialah mengenai keseimbangan kami terhadap ancaman dunia siber yang mudah menular dalam kalangan anak-anak.

Mana tidaknya, sekarang seawal usia tujuh tahun kanak-kanak sudah pandai menggunakan Facebook dan membuka YouTube. Malah mereka sudah pandai melayari laman YouTube yang sarat dengan pelbagai jenis video.

Mudah meniru

Kalau video positif isi kandungannya tidak mengapa ditonton. Apa yang dikhutiri, kini banyak video berbentuk negatif seperti menonjolkan aksi ganas, kejam, lucah dan sebagainya di internet.

Salah seorang rakan saya memberitahu, anak lelakinya yang berusia sembilan tahun pernah menceritakan mengenai aksi lelaki di dalam YouTube memenggal kepala seseorang

sehingga putus.

Apa yang merisaukan, anaknya seolah-olah teruja menceritakan apa yang dilihatnya dalam YouTube sambil ingin meniru gaya yang sama. Apabila mendengar cerita rakan saya itu, teringat pula dengan kemunculan tiga anak muda yang menamakan diri mereka Anak Malaysia AntiDemokrasi dalam YouTube, baru-baru ini.

Kemunculan mereka menjadi viral kerana meniru aksi anggota kumpulan militan Negara Islam (IS) sambil memakai topeng dan secara terang-terangan mengugut kerajaan dan pemimpin kerana tidak berpuas hati dengan sistem demokrasi negara.

Mahukah anak-anak kita jadi begini? Apa yang saya dapat simpulkan, ancaman dunia siber dalam kalangan kanak-kanak atau anak muda kini semakin parah dan perlu dipantau segera.

Kalau tidak, natijahnya mereka akan terdedah dengan ancaman seperti cyber-bullying, cyber-grooming, pencurian identiti dan pornografi kanak-kanak.

Kajian tabiat pelajar

Satu laporan kajian kebangsaan 2013 bertajuk *Safety Net: Growing Awareness*

Among Malaysian School Children on Staying Safe Online dijalankan oleh DiGi Telecommunications Sdn Bhd, CyberSecurity Malaysia dan Kementerian Pendidikan, membabitkan 9,651 pelajar sekolah menengah serta rendah di seluruh negara, mendapati penemuan itu signifikan terhadap kes di atas.

Dalam kajian itu, sebanyak 68 peratus pelajar mempunyai komputer dan akses internet, manakala 20 peratus mempunyai komputer saja tetapi tiada akses internet serta selebihnya 12 peratus tiada komputer.

Kajian itu juga melaporkan, hampir 50 peratus pelajar melayari internet selama lapan jam dalam tempoh kurang seminggu, manakala 16 peratus yang lain menggunakan internet melebihi 28 jam seminggu.

Antara aktiviti utama yang dilakukan ketika melayari internet ialah mengunjungi laman sosial seperti Facebook dan Twitter iaitu sebanyak 68 peratus.

Dalam laporan oleh Norton Online Family Report 2013, menyatakan hampir 82 peratus kanak-kanak yang melanggar peraturan am internet mengalami pengalaman negatif ketika melayari internet. Laporan itu

mendapati enam peratus daripada ibu bapa mengatakan mereka tidak mengetahui apa yang anak-anak mereka lakukan sewaktu melayari internet.

Isu membimbangkan

Sebanyak 12 peratus kanak-kanak mengaku melawat laman berunsur lucah apabila ibu bapa mereka tidak ada di sekeliling mereka. Senario ini, secara tidak langsung memberikan kesan negatif terhadap perkembangan emosi dan minda mereka.

Kajian oleh DiGi Telecommunications Sdn Bhd, CyberSecurity Malaysia dan Kementerian Pendidikan bertajuk *National Survey 2014: CyberSAFE in Schools*, pula yang diadakan selama sembilan bulan membabitkan 14,000 kanak-kanak mendapati isu itu amat membimbangkan.

Seramai 83 peratus kanak-kanak sekolah di negara ini, didapati terdedah kepada risiko dalam dunia siber kerana mempunyai perlindungan dalam talian yang minimum.

Sementara itu, seramai 40 peratus pula, tidak mengetahui kaedah untuk melindungi diri ketika melayari internet, manakala dua pertiga kanak-kanak di bawah umur 13 tahun mengambil langkah perlindungan yang rendah ketika meneroka alam maya.

Pemantauan ibu bapa

Bagaimanapun, masih ada 52 peratus percaya mereka selamat daripada ancaman siber dan rata-rata hampir 70 peratus responden tidak kisah dengan pelanggaran privasi ketika berinteraksi dalam dunia tanpa sempadan.

Kesimpulan yang boleh dibuat



Ibu bapa perlu memantau penggunaan internet untuk mengelakkan anak menjadi mangsa siber.

melalui kajian itu, kanak-kanak pada zaman sekarang terlalu mudah mendapat akses internet tanpa pengawasan ibu bapa dan ia secara tidak langsung menyebabkan mereka begitu senang terdedah kepada ancaman siber.

Kadaan ini berlaku mungkin bagi ibu bapa moden, anak-anak yang mempunyai gajet seperti telefon bimbit atau komputer dan boleh akses pada internet adalah sesuatu perkara biasa.

Malah, ia sesuatu yang amat digalakkan kerana dalam pemikiran ibu bapa sekarang apabila anak pandai menggunakan telefon bimbit pintar, komputer dan internet, akan dapat melahirkan anak yang bijak teknologi maklumat (IT).

Memang tidak dinafikan ada buiknya dunia siber ini, tetapi jika digunakan tanpa kawalan, ia boleh mendatangkan kesan negatif. Oleh itu, ibu bapa perlu memantau anak terutama apabila mereka melayari internet. Ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam hal itu.

Penulis ialah Setiausaha Akhbar kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



SHAHREN YUSRI

shahrenyusri@gmail.com